

Malaysia layak duduki kerusi Majlis Keselamatan PBB

Melalui banyak usaha keamanan yang dilakukan pada peringkat antara-bangsa dan dengan tema pembidaan yang digunakan iaitu 'Keamanan dan Keselamatan Melalui Kesederhanaan', Malaysia sememangnya layak menduduki kerusi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk kali keempat bagi tempoh sesi 2015 - 2016 yang akan datang.

Malaysia sudah pun mempunyai pengalaman menduduki kerusi terbabit yang mana negara ini sudah tiga kali menduduki kerusi ahli tidak tetap pada penggal 1965 - 1966 diikuti pada penggal 1989 - 1990. Kali terakhir Malaysia menjadi ahli tidak tetap majlis berkenaan adalah pada penggal 1999 - 2000.

Peluang cerah

Peluang untuk Malaysia dipilih menjadi ahli majlis bagi penggal akan datang adalah cerah berdasarkan rekod yang baik sepanjang mendudukinya pada masa yang lalu serta dasar kesederhanaan yang sentiasa diamalkan negara ini telah berjaya memikat hati banyak negara terutamanya negara membangun.

Untuk berjaya menduduki kerusi Majlis Keselamatan PBB, setiap negara calon perlu memperoleh jumlah undi dua per-tiga ketika pengundian yang akan diadakan pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) yang bakal berlangsung bulan ini.

Selain daripada kekosongan kerusi Asia Pasifik terdapat empat lagi kerusi yang perlu diisi, masing-masing untuk benua Afrika, Latin Amerika dan dua untuk Eropah.

Selain tidak mempunyai persaingan hebat untuk menduduki kerusi yang mewakili Asia Pasifik, paling menarik ialah kedudukan Malaysia sendiri yang sentiasa mengetengahkan agenda kesederhanaan bagi setiap proses penyelesaian isu konflik peringkat antarabangsa.

Malaysia mempunyai rekod cemerlang dan pengalaman luas sebagai pengantara penyelesaian konflik yang berlaku di rantau Asia Tenggara. Pengamalan konsep kesederhanaan membuatkan Malaysia berjaya menjadi pengantara perjanjian pembentukan wilayah Bangsamoro antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dalam konflik yang telah berlarutan buat sekian lama.

Paling terkini Malaysia juga menjadi pengantara rundingan

damai antara kerajaan Thailand dengan pejuang Islam selatan Thailand yang diwakili oleh Barisan Revolusi Nasional (BRN).

Kedua-dua konflik itu pada dasarnya sukar diselesaikan kerana mempunyai kaitan dengan sejarah lampau, namun Malaysia yang konsisten bertindak sebagai pengantara yang tidak menyebelahi mana-mana pihak, paling tidak telah berjaya membawa kedua-dua pihak ber-seteru ke meja rundingan.

Berani luah pendapat

Malaysia juga dilihat sebagai negara yang sentiasa berani meluahkan pendapatnya berasaskan fakta yang benar tanpa mengira pihak yang terbabit serta tidak mempunyai sikap mementingkan diri. Malaysia juga kerap menyuarakan kepincangan Majlis Keselamatan PBB apabila berhadapan dengan isu keselamatan global serta penyalahgunaan kuasa veto yang dikuasai oleh ahli tetapnya.

Jika Malaysia dipilih menjadi salah satu ahli majlis tidak tetap Majlis Keselamatan PBB itu, pelbagai usaha boleh diambilnya bagi menjamin keselamatan global serta menyelesaikan pelbagai masalah ataupun konflik yang sedang berlaku seperti perang saudara di Wilayah Timur Ukraine, konflik berpanjangan antara penduduk Palestin dan rejim Israel, peperangan yang berlarutan puak serta kumpulan pengganas di Afghanistan, Iraq dan Syria.

Perlu diingatkan, tujuan penubuhan Majlis Keselamatan itu sendiri mengikut Piagam PBB 1945 adalah untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan di dunia.

Ketika organ lain PBB hanya boleh membuat cadangan kepada negara ahli, Majlis Keselamatan mempunyai kuasa mengeluarkan resolusi yang mesti dipatuhi. Keputusan majlis itu dikenali sebagai Resolusi Majlis Keselamatan PBB.

Menduduki kerusi ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB ini adalah begitu signifikan kepada Malaysia sebagai usaha berterusan negara ini yang sentiasa aktif pada peringkat antarabangsa dalam menyelesaikan masalah dan konflik melalui cara kesederhanaan dan perbincangan diplomatik tanpa membabitkan peperangan atau penggunaan senjata yang mengancam nyawa.



Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)